

1. Apakah tujuan isi rumah membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?
 - A Mengutamakan kehendak.
 - B Mengutamakan keselesaan.
 - C Memaksimumkan kepuasan.
 - D Memaksimumkan perbelanjaan

2. Puan Supergirl membelanjakan RM4 000 untuk membeli sebuah komputer riba baharu. Kos lepasnya ialah
 - A bil elektrik yang perlu ditanggung untuk mengecas komputer riba baharu tersebut
 - B masa yang digunakan untuk memilih komputer riba tersebut
 - C telefon pintar yang boleh dibeli dengan wang tersebut
 - D jumlah bayaran untuk komputer riba tersebut


3. Jadual di bawah berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Oyun

Teknik Pengeluaran	Seluar Jeans (Helai)	Seluar Cute (Helai)
A	0	100
B	20	80
C	60	50
D	80	20

Apakah kos lepas jika Syarikat Oyun menukarkan teknik pengeluaran daripada B ke D?


- A 20 helai seluar jeans
- B 40 helai seluar jeans
- C 60 helai seluar cute
- D 80 helai seluar cute

- 4 Rajah di bawah menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran



Pilih pernyataan yang benar menggambarkan titik S.

- A Faktor pengeluaran digunakan sepenuhnya
 - B Tingkat pengeluaran pada tahap guna tenaga penuh
 - C Faktor pengeluaran tidak mencukupi
 - D Pengeluar gagal memaksimumkan pengeluaran
- 5 Rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi 2 barang.



Titik manakah yang menyelesaikan masalah pilihan?

- A B dan E
- B B dan D
- C D dan E
- D B dan C

- 6 Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri suatu sistem ekonomi

Sistem ekonomi yang kerajaan atau badan perancangan pusat berkuasa penuh dalam segala aktiviti ekonomi dan membuat keputusan ekonomi

Apakah system ekonomi tersebut?

- A Sistem ekonomi Kapitalis
- B Sistem Ekonomi Pasaran Bebas
- C Sistem Ekonomi Campuran
- D Sistem ekonomi Perancangan Pusat


- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri system ekonomi sebuah negara.

- Wujud persaingan antara firma
- Kerajaan mengawal melalui system cukai dan subsidi

Negara tersebut mengamalkan system ekonomi

- A Sistem ekonomi Kapitalis
- B Sistem Ekonomi Pasaran Bebas
- C Sistem Ekonomi Campuran
- D Sistem ekonomi Perancangan Pusat


- 8 Rajah berikut menunjukkan pergerakan titik B ke A di sepanjang keluk permintaan.



Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan titik dari B ke A ?


- A Kenaikan harga barang penggenap
- B Kejatuhan harga barang penggenap
- C Kenaikan harga barang itu sendiri
- D Kejatuhan harga barang itu sendiri

- 9 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Faktor manakah yang menyebabkan perubahan keluk dari D_0 ke D_1


- A Harga barang itu meningkat
 - B Jangkaan harga masa depan naik
 - C Pendapatan pengguna menurun
 - D Harga barang pengganti meningkat
- 10 Rajah menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barang.



Apakah akan terjadi jika berlaku peralihan keluk permintaan di atas?

- A Wujud lebihan penawaran dalam pasaran
- B Harga keseimbangan akan meningkat
- C Kuantiti keseimbangan tidak berubah
- D Harga keseimbangan akan menurun

11. Rajah di bawah menunjukkan proses penyesuaian bagi ketidakseimbangan pasaran.



Pilih pernyataan yang mewakili **Z**.

- A Harga barang akan menurun
- B Harga barang akan meningkat
- C Kuantiti barang yang diminta akan bertambah
- D Kuantiti barang yang ditawarkan akan berkurang

12. Maklumat di bawah berkaitan dengan permintaan terhadap suatu barang.

Pada bulan Ogos 2018, kuantiti diminta bagi kereta Persona adalah sebanyak 500 buah kereta dengan harga RM60 000 sebuah. Namun, pada bulan Oktober, harga kereta Persona telah meningkat menjadi RM62 000 sebuah dan menyebabkan kuantiti diminta telah menurun sebanyak 50 buah.

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan bagi kereta Persona kesan daripada perubahan harga tersebut?

- A 0.8
- B 1.6
- C 2.5
- D 3.0

13. Bagi meningkatkan jumlah hasil, firma akan melakukan perkara seperti berikut.

- I Menaikkan harga barang
- II Meningkatkan kualiti
- III Mengurangkan kuantiti
- IV Memohon bantuan subsidi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu fungsi wang.

Encik Chand membayar pendahuluan untuk rumah teres dua tingkat RM500 000 dan ansuran bulanan sebanyak RM3 500.

Apakah fungsi wang yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- I Alat perantaraan pertukaran
- II Alat bayaran tertunda
- III Alat ukuran nilai
- IV Alat menyimpan nilai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Maklumat berikut menerangkan tentang peranan bank pusat.

- Memberi pendahuluan sementara
- Memberi nasihat pelaburan
- Mengurus pertukaran asing

Berdasarkan maklumat tersebut, bank pusat bertindak sebagai

- A pengawal kestabilan nilai mata wang
- B jurubank kepada bank perdagangan
- C pengawal kestabilan ekonomi
- D jurubank kepada kerajaan

16. Antara yang berikut, manakah benar mengenai kaedah pembayaran oleh bank perdagangan.

	Debit Langsung	Pindahan Kredit
A	Digunakan untuk membayar sewa rumah, astro dan ansuran kereta	Pembayaran gaji dan elaun pekerja oleh majikan
B	Pelanggan mengarahkan bank membuat pembayaran yang tidak tetap	Pelanggan membuat bayaran gaji kepada pekerja secara tunai
C	Bank memindahkan daripada akuan pelanggan yang membayar bil astro, elektrik dan air	Bank memindahkan gaji kepada pemegang akaun semasa
D	Bayaran bulanan adalah tidak tetap	Potongan bulanan adalah tetap

17. Jenis pekerjaan manakah yang tergolong dalam sektor utama?

- A Pengurus ladang kelapa sawit
- B Pengurus inap desa
- C Pemandu lori
- D Arkitek

18. Maklumat menunjukkan faktor yang menjadi pemangkin individu untuk bekerja.

Upah
= RM4.50 x 8 jam x 6 hari

Selain faktor tersebut, pilih faktor lain yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan oleh individu.

I Jaminan kerja

II Majikan

III Rakan sekerja

IV Waktu bekerja

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

19. Rumus berikut menunjukkan rumus pendapatan individu.

Pendapatan individu = Upah + Sewa + Faedah + Z + Untung + Bayaran pindahan
--

Z merujuk kepada

A Kerja lebih masa

B BRIM

C Dividen

D Pencen

20. Maklumat berikut menunjukkan kerjaya masyarakat Malaysia.

Jururawat	Askar
-----------	-------

Pemilihan kerjaya tersebut dipengaruhi oleh faktor

I Pendidikan

II Kemahiran

III Pilihan keluarga

IV Minat

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

21 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai pelbagai jenis pelaburan.

	Jenis pelaburan	Tahap risiko	Jenis pulangan
A	Simpanan tetap	Tinggi	Faedah
B	Saham	Rendah	Dividen
C	FOREX	Tinggi	Sewa
D	Hartanah	Rendah	Untung

22 Pilih pernyataan yang **tepat** menerangkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

A Hubungan antara jumlah output dengan jumlah hasil firma

B Nisbah antara jumlah keluaran dengan jumlah kos pengeluaran firma

C Peratus perubahan jumlah keluaran dibahagi dengan peratus perubahan jumlah kos

D Hubungan antara input berubah yang ditambah ke atas input tetap pada setiap tingkat output

- 23 Jadual di bawah menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
1	100	50
2	100	90
3	100	125
4	100	155
5	100	192
6	100	242
7	100	315
8	100	390

Antara yang berikut, manakah menerangkan kos purata dalam jadual di atas ?

- A Pada output ke-6, kos purata mencatat nilai minimum
 - B Pada output ke-8, kos purata mencatat nilai minimum
 - C Antara output 1 hingga 5, kos purata semakin meningkat
 - D Antara output 5 hingga 8, kos purata semakin menurun
- 24 Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Inut tetap (unti)	Input berubah (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)
1	0	-	-
1	1	6	6
1	2	7	9
1	3	8	10
1	4	9	9
1	5	8.2	7
1	6	7.8	6
1	7	7	5
1	8	5.5	3
1	9	4.8	0
1	10	4	-2

Tahap pengeluaran paling cekap adalah dari

- A input berubah 1 hingga 4
- B input berubah 2 hingga 6
- C input berubah 4 hingga 9
- D input berubah 2 hingga 8

- 25 Eksternaliti negatif merujuk
- A tindakah firma untuk mengurangkan penggunaan sumber ekonomi
 - B kesan luaran yang dihadapi oleh pihak ketiga daripada aktiviti ekonomi
 - C tindakan kerajaan ke atas aktiviti pengeluaran yang menjejaskan alam sekitar
 - D kesan luaran yang dihadapi oleh pengguna apabila menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan
- 26 Apakah faedah sosial daripada pembangunan hutan kepada kawasan perindustrian ?
- A Kadar pencemaran meningkat
 - B Kesesakan lalu lintas meningkat
 - C Keperluan buruh kilang meningkat
 - D Penebangan hutan yang berleluasa
- 27 Apakah motif kerajaan bertindak sebagai pengeluar dalam ekonomi ?
- A Untuk memaksimumkan keuntungan
 - B Untuk mewujudkan monopoli semula jadi
 - C Untuk meningkatkan kebajikan masyarakat
 - D Untuk mengeluarkan barang swasta dan barang social
- 28 Antara yang berikut, manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal kesan eksternaliti negatif ?
- I Menghadkan pengeluaran lesen
 - II Menentukan penempatan firma
 - III Menjalankan pemantauan oleh agensi kerajaan
 - IV Memberikan subsidi
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

29 Pernyataan yang manakah **benar** mengenai kesan inflasi ?

- I Daya saing negara bertambah baik
- II Golongan berpendapatan tetap akan menikmati keuntungan
- III Pertumbuhan ekonomi pada kadar inflasi yang kurang daripada 3%
- IV Perbelanjaan penggunaan bertambah untuk mengekalkan taraf hidup

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Pernyataan di bawah berkaitan dengan pengangguran.

Berlaku apabila pekerja berhenti kerja dan mencari pekerjaan baharu tetapi tidak menjumpai serta-merta

Apakah jenis pengangguran di atas ?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran geseran
- C Pengangguran bermusim
- D Pengangguran berstruktur

31 Maklumat berikut berkaitan dengan cukai langsung:

“Cukai yang dikenakan secara terus atau langsung kepada pengguna. Beban cukainya tidak dapat dipindahkan kepada orang lain.”

Yang manakah bukan merupakan contoh cukai langsung?

- A Cukai pendapatan syarikat
- B Cukai pendapatan petroleum
- C Cukai pendapatan koperasi
- D Cukai jualan

32 Antara berikut, faktor manakah perlu diberi perhatian oleh kerajaan untuk memastikan proses globalisasi terus berlaku?

I Penyediaan kemudahan infrastruktur.

II Memberikan galakan pelaburan.

III Meningkatkan sekatan perdagangan.

IV Memperketatkan kemasukan buruh.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

33 Maklumat berikut berkaitan dengan alat sekatan perdagangan antarabangsa.

Kuota, Embargo, Tarif

Kerajaan melaksanakan sekatan ke atas perdagangan antarabangsa untuk

I meningkatkan daya saing industri tempatan

II membaiki imbalan pembayaran defisit

III meningkatkan lambakan barang import

IV mengurangkan hutang negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

34 Antara berikut, yang manakah kebaikan liberalisasi perdagangan kepada ekonomi sesebuah negara?

A Peningkatan pendapatan negara.

B Berlaku pengkhususan yang berlebihan.

C Pilihan pengguna yang lebih luas dan pelbagai.

D Kebergantungan berlebihan kepada rakan dagang.

35. Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

$$\text{RM}2.95 = \text{S\$}1$$

Berapakah nilai sebuah beg sekolah yang berharga S\$50 dalam Ringgit Malaysia?

- A RM1 695
- B RM147.50
- C RM150.00
- D RM115.00

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

36. I Apabila pendapatan meningkat, permintaan barang akan meningkat.
- II Jika harga barang dijangkakan meningkat pada masa depan, maka permintaan barang pada masa sekarang akan meningkat.
37. I Kerajaan mengenakan cukai pendapatan individu untuk menambah hasil kerajaan.
- II Zakat bertujuan membersihkan atau menyucikan harta dan membersihkan orang kaya daripada sifat kedekut dan bakhil.
38. I Jika jumlah hasil adalah lebih kecil daripada jumlah kos, firma akan memperoleh keuntungan.
- II Kos implisit merupakan kos yang sepatutnya dibayar kepada faktor pengeluaran tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran.
39. I Syarikat multinasional melabur di luar negara untuk menikmati tarif yang rendah.
- II Pelaburan langsung asing akan meningkatkan stok modal dalam negara.
40. I Akaun Semasa terdiri daripada akaun barangan, akaun perkhidmatan dan akaun modal.
- II Kesan akaun semasa lebih menyebabkan kenaikan mata wang negara tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT